



SIARAN MEDIA

LAPAN PREMIS LANGGAR SYARAT LESEN MPS DIKENAKAN TINDAKAN

MPS telah mengambil tindakan tegas dengan menutup satu (1) premis yang menjalankan aktiviti pusat hiburan yang menjalankan aktiviti perniagaan restoran dan hiburan (pentas hiburan, dart elektronik dan meja pool) tanpa lesen perniagaan dan menjual minuman keras di premis. Notis arahan henti operasi serta merta dan tindakan kompaun di bawah UUK Tred (UUK 3) dan kompaun di bawah Enakmen Hiburan 1995 Seksyen 6(1) berjumlah RM 25,000 telah dikeluarkan semasa Operasi Pematuhan Syarat Pelesenan yang dilakukan pada 30 April 2024 di Pusat Komersial Anggun City, Taman Anggun, Rawang.

Tindakan pemotongan cagaran lesen kritikal dan notis pematuhan atas kesalahan pemasangan awning tanpa permit, tidak memasang papan tanda dan tandas tidak diasingkan lelaki dan perempuan juga turut dikenakan terhadap satu (1) premis pusat hiburan.

Selain itu, enam (6) buah premis lain turut dikenakan tindakan atas pelbagai kesalahan yang melanggar syarat lesen seperti meletakkan bahan mentah atas lantai, perangkap minyak tidak diselenggara, iklan tidak berlesen dan meletakkan meja dan kerusi di kaki lima premis tanpa permit MPS. Sebanyak enam (6) kompaun dan lapan (8) notis telah dikeluarkan sepanjang operasi ini dilaksanakan.

Operasi yang bermula pada jam 9.30 malam dan tamat pada 12.50 tengah malam ini diketuai oleh Puan Zulaina binti Abu Talib, Pengarah Jabatan Pelesenan MPS dan dibantu seramai 16 anggota dari Jabatan Pelesenan MPS.

MPS akhir sekali ingin mengingatkan kepada semua pemilik perniagaan dan masyarakat supaya sentiasa mematuhi dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan untuk mengelakkan tindakan tegas diambil terhadap mereka.

#TAMAT#

Dikeluarkan Oleh:

Bahagian Perhubungan Awam
Jabatan Korporat

b.p. **Timbalan Yang Dipertua**
Majlis Perbandaran Selayang
3 Mei 2024